

21 OCT 1998

Bonus

CUEPACS AKAN JUMPA PERDANA MENTERI BINCANG SOAL BONUS

KOTA BAHARU, 21 Okt (Bernama) -- Gabungan Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menghantar surat untuk menemui Perdana Menteri bagi membincangkan pemberian bonus kepada kakitangan awam.

Setiausaha Agung Cuepacs N.Siva Subramaniam berkata surat itu ditandatangani oleh Presiden Abdul Aziz Mohamad Sultan dan melalui pertemuan itu Cuepacs mahu mengetahui keputusan sebenar kerajaan berhubung pemberian bonus.

Sebelum ini Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata agak sukar bagi kerajaan untuk membayar bonus kepada kakitangan awam tahun ini memandangkan kedudukan ekonomi negara sekarang.

"Kerajaan kata agak sukar untuk membayar bonus, bukannya permohonan kita itu ditolak," kata Subramaniam kepada pemberita selepas perasmian persidangan perwakilan Kesatuan Pegawai-pegawai Kastam Semenanjung Malaysia di sini.

Persidangan itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wong See Wah.

Beliau berkata Cuepacs memahami masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara namun rayuan akan dibuat kepada kerajaan supaya mempertimbangkan pemberian bonus itu.

"Telah menjadi tanggungjawab Cuepacs untuk kemukakan pandangan bagi pihak kakitangan awam dan terpulang kepada kerajaan mempertimbangkan asas yang dikemukakan.

"Memang agak sukar dalam keadaan ini tetapi Perdana Menteri sentiasa bersimpati kepada kakitangan kerajaan dan tidak pernah menolak tuntutan yang berpatutan," katanya.

Subramaniam berkata sebarang keputusan yang dibuat Dr Mahathir berhubung pemberian bonus itu akan dibincangkan oleh majlis kongres kesatuan yang akan bersidang pada 1 Nov.

-- BERNAMA

BD RON